

Kerajaan *pertimbang* *rayuan pemaju*

Teruskan pembinaan hartanah mewah bernilai RM1 juta ke atas

PUTRAJAYA - Kerajaan akan menimbang rayuan pemaju yang berhasrat meneruskan pembinaan hartanah mewah bernilai RM1 juta ke atas di lokasi terpilih di bandar besar untuk pengecualian.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, sehubungan itu satu jawatankuasa peringkat kementerian (KPKT) akan ditubuhkan, berperanan mempertimbangkan rayuan itu mengikut kes dan kelulusan permohonan akan diberikan mengikut kesesuaian permohonan sehingga pembekuan sementara itu dihentikan.

Menurutnya, langkah itu diambil selepas pihak kerajaan menerima beberapa maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) untuk menimbang semula keputusan kerajaan membekukan sementara permohonan baharu oleh pemaju, bagi membina kompleks beli-belah, bangunan pejabat, pangsapuri servis dan kondominium yang berharga RM1 juta ke atas pada 1 November lalu.

"Kabinet telah melantik lima menteri termasuk saya untuk membincang dan mengendalikan isu-isu berkaitan pembekuan kelulusan.

"Kami telah bermesyuarat minggu lalu dan memaklumkan keputusan menimbang rayuan pemaju untuk persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri bersetuju dan meminta saya memaklumkan



Noh (dua, kanan) menunjukkan aset Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Fazila Jeewa Daureawoo (tiga, kiri) ketika melawat Galeri KPKT, semalam.

perkara ini kepada media hari ini (semalam).

"Jadi, pemaju yang ingin merayu, perlu buat permohonan kepada KPKT bagi mendapatkan kelulusan dan ia bergantung kepada kriteria membabitkan keadaan rumah sedia ada, bilangan rumah di kawasan tertentu, harga rumah RM1 juta ke atas, berapa jumlah rumah belum dijual serta keperluan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat daripada Naib Perdana Menteri dan Menteri Kerajaan Tempatan Kerajaan Mauritius, Fazila Jeewa-Daureawoo di pejabatnya, semalam.

Selain Noh, Kabinet juga melantik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof menganggotai jawatankuasa itu.

Pada 19 November lalu, Johari berkata, Kabinet memutuskan pembinaan kondominium dan premis komersial bernilai RM1 juta ke atas dibekukan bagi mengimbangi penawaran serta permintaan hartanah di negara ini mulai 1 November, berikutan laporan Bank Negara Malaysia (BNM)

mengenai peningkatan hartanah kediaman tidak terjual sebelum ini turut membabitkan kondominium mewah, pejabat komersial dan pusat beli-belah.

Johari dilaporkan berkata, pembekuan itu akan dilakukan secara sementara bagi melihat semula strategi pembangunan supaya ia tidak memberi kesan kepada ekonomi negara.

BNM melaporkan terdapat 130,690 unit yang tidak dijual pada suku pertama tahun ini, dengan 83 peratus daripada hartanah perumahan itu berharga lebih RM250,000 yang menunjukkan terdapat ketidakseimbangan antara permintaan dan bekalan di pasaran hartanah.